

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(II)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

2. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membuat penyelarasan semula bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) dengan mengikut kaedah seperti mana Kerajaan Persekutuan lakukan sekarang ini?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri sejak Mac 2009 bagi membasmi kemiskinan di Pulau Pinang dengan memberikan bantuan kewangan bulanan secara *top-up* kepada individu/keluarga yang berpendapatan per kapita bawah RM220. Kaedah pemberian sumbangan AES ini adalah merupakan kaedah yang dipersetujui oleh semua agensi pelaksana termasuk agensi kerajaan persekutuan dan pada ketika ini, kaedah bantuan ini juga hampir sama dengan kaedah yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi bantuan am kebajikan.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan memohon pertimbangan Kerajaan Persekutuan untuk mengkaji semula paras garis kemiskinan (PGK) dan per kapita semasa yang dilihat agak kurang relevan berbanding peningkatan kos sara hidup pada ketika ini. Kerajaan Negeri bercadang untuk menaikkan PGK daripada RM930 kepada RM1,500 dan per kapita RM220 kepada RM400 selaras dengan kesan kenaikan kos sara hidup dan peluang pekerjaan yang semakin rendah. Penyelarasan akan dibuat sekiranya perlu setelah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan meneliti jenis-jenis bantuan dan kaedah-kaedah yang akan digunakan oleh kedua-dua pihak.

Bantuan-bantuan Kerajaan Persekutuan yang lain seperti Bantuan Sara Hidup adalah bantuan secara tahunan dan berbeza dengan Program AES yang memberikan bantuan kewangan secara bulanan. Oleh yang demikian, kaedah penyelarasan sudah semestinya akan berbeza kerana melibatkan prosedur pelaksanaan dan tatacara kewangan yang lain.